

**PERBANDINGAN PRODUKTIVITI BURUH ASING DAN BURH TEMPATAN
DALAM KERJA BATA**

WEE SIEW KEE

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2007

ABSTRAK

Dalam industri binaan, terdapat dua alternatif sumber tenaga kerja, iaitu buruh asing dan buruh tempatan. Faktor jenis projek, bayaran upah, pengalaman kerja, pengalaman kerja, kepakaran dan kemahiran serta pasaran buruh merupakan antara faktor-faktor utama yang sering dipertimbangkan semasa pemilihan buruh binaan. Namun demikian, produktiviti buruh juga merupakan faktor yang perlu dipertimbangkan semasa pengambilan buruh. Ini kerana buruh yang mempunyai produktiviti yang tinggi akan menghasilkan kuantiti kerja yang lebih banyak dan dalam masa yang minimum. Keadaan ini seterusnya membolehkan bilangan dan masa pengambilan buruh bekerja dapat dikurangkan. Maka, faktor produktiviti antara dua jenis buruh perlu dikaji dan diambil kira semasa pengrekrutan buruh binaan. Kajian perbandingan produktiviti buruh asing dan buruh tempatan dalam kerja bata ini dijalankan di dua tapak yang berlainan di Kuching, Sarawak yang melibatkan pembinaan rumah teres dua tingkat. Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan produktiviti buruh asing dan buruh tempatan dalam kerja bata. Kaedah kajian yang digunakan bagi kajian yang berbentuk kuantitatif ini ialah melalui cerapan harian di tapak bina dengan menggunakan borang daripada laporan panduan "*Procedures Manual For Collecting Productivity And Related Data Of Intensive Activities On Commercial Construction Projects*". Hasil daripada penemuan kajian ini, didapati bahawa terdapat perbezaan antara produktiviti buruh asing dan buruh tempatan di mana produktiviti buruh asing yang mencatat 1.28MH/m² lebih tinggi berbanding dengan buruh tempatan yang hanya mencatat 1.62MH/m². Akhir sekali, adalah diharapkan bahawa kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan untuk perancangan tenaga buruh bagi industri binaan terutamanya di negeri Sarawak.

ABSTRACT

In construction industry, there are two type of labour sources which are foreign and local labours. Usually, type of project, wages, working experience and skill are the main consideration factor during the recruitment of labour. However, labour productivity should also be put into consideration during this decision making because labours with high productivity will produce more output within a minimum time. Thus, the number of labour and working hours can be greatly reduce. For this reason, the comparison of productivity between foreign and local labour in brick work research was conducted. The objective of this research is to compare the productivity between foreign and local labour in brick work. The methodology for this quantitative research involved daily observation on site by using "Procedures Manual For Collecting Productivity And Related Data Of Intensive Activities On Comercial Construction Projects". The observation was carried out on two construction sites located at Kuching, Sarawak which involved in double storey terrace houses construction project. The outcomes of this research shows that the productivity of foreign labour is $1.28\text{MH}/\text{m}^2$, which is higher then the productivity of local worker where only recorded $1.62\text{MH}/\text{m}^2$. Eventually, it is hope that the out come of this research can be used as reference during the planning of labour force in the construction industry, particularly in Sarawak.